



Personaliti Malu dan Psikologi Membuat Keputusan di kalangan Pelajar Melayu

KHAIRUL ANWAR MASTOR

ABSTRAK

The paper reports a study on self-consciousness from the Five Factor Model personality trait perspectives and its relationship with the psychology of making decision in academic major at university level. Samples consist of 451 Malay students from different matriculation centers. Instrument used was the questionnaire on levels of confidence, satisfaction, persistence and difficulty in making decision of academic major. Personality profiles were measured by the NEO PI-R (Costa & McCrae, 1992). Results indicated that there were significant differences on scores of self-consciousness between male and female students. Female students scored higher on self-consciousness than male students. Female students also find they have difficulty in making decision and lower choice satisfaction. Correlation coefficients show that self-consciousness have relationships with other personality traits and levels of choice satisfaction and difficulty. Implications on the ability to make decision among Malay students were discussed.



PENDAHULUAN

Malu sebagai satu sikap atau sifat pembawaan orang Melayu adalah di antara konsep yang pernah dibicarakan oleh Suhana Sulaiman (1981). Menurut beliau konsep malu membawa makna yang baik dan buruk. Malu yang baik sebagai malu yang bernilai suci berkaitan dengan tingkahlaku yang bersopan sehinggakan malu memelihara martabat kemanusiaan dan kehormatan bangsa. Sebaliknya malu yang membawa makna yang buruk ialah malu sebagai perasaan yang mendorong sifat tidak berani bertanya, malu mengemukakan pandangan, malu membuat teguran, bersikap selamba apabila dimalukan, bertindak agresif setelah dimalukan dan seumpamanya. Malu dilihat sebagai satu sikap yang sudah sebat dalam masyarakat Melayu. Persoalan yang menarik untuk dikaji ialah mengapa malu dianggap sudah sebat atau ciri yang konsisten dalam masyarakat Melayu?





MALU SEBAGAI TRET PERSONALITI

Kertas kerja ini bertujuan untuk meninjau kesebatian atau kekonsistenan sifat malu ini dari sudut psikologi personaliti khususnya dari perspektif tret personaliti atau *dispositional theory*. Teori-teori tret personaliti mengandaikan bahawa sifat pembawaan manusia adalah stabil dan konsisten dalam seseorang individu dan turut mempengaruhi tingkahlaku manusia (McCrae & Costa, 1995). Walau bagaimanapun, Pervin (1994) dan Diener, Larsen dan Emmons (1984) mengatakan perhubungan di antara tret personaliti dan tingkahlaku bukanlah satu hubungan yang sempurna. Pekali korelasi boleh sehingga 0.30 sahaja. Dalam kertas kerja ini malu akan dikaji dari sudut personaliti dan hubungannya dengan aspek psikologi membuat keputusan.

Tret personaliti telah dikenalpasti juga berinteraksi dengan tret personaliti yang lain (McCrae, 1994) dan situasi (Mischel, 1985) dalam menghasilkan tingkahlaku. Wiggins dan Trapnell (1997) mengatakan bahawa tret personaliti berguna dari segi menjelaskan dan meringkaskan pola tingkahlaku manusia dari perspektif yang normatif. Walaupun demikian, ini bukan bermakna tret personaliti sahaja yang boleh memberi gambaran tentang perlakuan dan sikap individu itu. Faktor persekitaran atau situasi memainkan peranan yang sama (Pervin, 1997).

MALU DARI PERSPEKTIF MODEL LIMA FAKTOR

Salah satu model tret personaliti yang mendapat penerimaan ramai ahli psikologi ialah Model Lima Faktor (Costa & McCrae, 1992). Mengikut model Lima Faktor, struktur tret personaliti manusia terdiri dari dua paras yang disusun mengikut hierarki: domain dan facet. Domain adalah tret yang lebih dominan dan mempunyai enam facet di bawahnya. Facet boleh digambarkan sebagai tret personaliti yang lebih spesifik berbanding dengan domain. Lima Faktor atau Domain tersebut adalah Neuroticism, Extraversion, Openness, Agreeableness dan Conscientiousness.

Neuroticism adalah ciri personaliti individu yang berkaitan dengan kestabilan dan ketidakstabilan emosi dan perasaan kepada beberapa rangsangan yang berbeza. Salah satu sub-domain personaliti ini ialah *self-consciousness* yang boleh dirujuk kepada ciri sifat malu. Individu dengan *self-consciousness* yang tinggi cenderung untuk memikirkan apa orang lain fikir dan kata mengenai diri dan perbuatan yang dilakukan. Implikasinya malu menguasai dirinya untuk bertindak. Extraversion pula berkaitan dengan ciri interpersonal individu dengan orang lain dan boleh menjadi indeks kepada kecenderungan seseorang untuk bergaul dengan orang lain (Watson, Clark, McIntyre dan Haymaker, 1992).

Domain Extraversion-Introversion ini berkait rapat dengan pembawaan malu yang akan dibincang dalam kertas ini. Openness pula menggambarkan kesediaan individu menerima perbezaan dari segi estetik, idea dan kepercayaan. Agreeableness pula adalah mengenai tret individu yang pemaaf, pengasih, serta pembawaan yang lunak serta mudah diajak berbincang. Conscientiousness adalah tret peribadi individu yang berkaitan dengan disiplin diri, kerajinan dan kecemerlangan.

Domain Neuroticism dan Extraversion terdiri dari enam subdomain atau facet: Warmth, Gregariousness, Assertiveness, Activity, Excitement-seeking dan Positive Emotion. Warmth adalah ciri keramahan dan kerakanan, tidak malu untuk bergaul dengan orang ramai. Gregariousness pula merujuk kepada kecenderungan individu untuk bersama-sama dengan orang lain dan suka kepada majlis sosial. Assertiveness adalah ciri ketegasan, berani ke depan. Skor yang rendah pada sub-domain ini menggambarkan individu tersebut cenderung untuk mendiamkan diri dan membiarkan orang lain bercakap. Sub-domain ini boleh juga dikaitkan dengan sifat malu. Activity merujuk kepada ciri keaktifan dalam melakukan kerja-kerja. Excitement-seeking adalah ciri sukakan kegirangan dan rangsangan keceriaan. Manakala Positive Emotion merujuk kepada kecenderungan individu untuk mengalami kegembiraan, kasih sayang dan keseronokan. Skor yang tinggi menandakan individu itu mudah dan selalu ketawa, optimistik dan mempunyai darjah keyakinan yang tinggi.

Instrumen Model Lima Faktor ini tidaklah mengukur paras ciri malu secara eksplisit. Tret personaliti Neuroticism dan Extraversion khususnya dianggap sebagai domain yang paling hampir dalam Model Lima Faktor bagi memperihalkan sifat malu individu. Menurut Costa dan McCrae (1992), individu yang extravert adalah individu yang sociable, mudah bergaul dengan orang lain tanpa rasa malu. Individu yang extravert juga dikaitkan dengan pembawaan yang cenderung untuk lebih assertif dan optimistik (Costa, McCare & Holland, 1984). Individu yang introvert pula digambarkan sebagai pemalu, suka kepada bersendirian tetapi mungkin bersifat sendiri atau independent (McCrae & Costa, 1985). Khairul Anwar Mastor (2001) telah menjalankan kajian ke atas kesediaan pelajar-pelajar Melayu untuk tinggal bersama dengan pelajar-pelajar berlainan bangsa dan agama dengan menggunakan pendekatan tret personaliti. Beliau mendapati bahawa pelajar-pelajar Melayu yang bersedia berkongsi bilik dengan pelajar lain mempunyai skor Extraversion yang lebih tinggi dari mereka yang tidak bersedia. Pelajar-pelajar yang tidak bersedia berkongsi bilik mempunyai skor self-consciousness atau malu yang lebih tinggi.

TUJUAN

Kertas kerja ini bertujuan untuk melaporkan hasil kajian mengenai hubungan Neuroticism dan Extraversion dengan keyakinan, kepuasan hati, ketekalan pelajar Melayu dalam membuat keputusan pemilihan bidang pengajian di peringkat universiti. Dalam kajian ini malu tidak diukur secara langsung tetapi skor domain dan sub-domain Neuroticism dan Extraversion akan cuba ditafsirkan sebagai indikator darjah malu di kalangan pelajar Melayu. Perbezaan darjah malu ini juga akan dilihat dari segi perbezaan jantina.

PERSOALAN KAJIAN

Persoalan-persoalan yang ingin dijawab melalui kajian yang dijalankan adalah seperti berikut:

- a) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam skor Neuroticism dan Extraversion di antara pelajar Melayu lelaki dan pelajar Melayu perempuan?
- b) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam paras keyakinan, kepuasan hati, ketekalan dan kesukaran dalam membuat keputusan di antara pelajar Melayu lelaki dan pelajar Melayu perempuan?
- c) Apakah darjah korelasi atau hubungan di antara ciri *tret self-consciousness* (malu) dengan facet atau sub-domain tret yang lain dalam Model Lima Faktor?
- d) Apakah darjah korelasi atau hubungkait di antara skor Neuroticism dan Extraversion dengan darjah keyakinan, kepuasan hati, ketekalan dan kesukaran membuat keputusan mengenai bidang pengajian di kalangan pelajar Melayu?

SAMPEL

Sampel kajian terdiri dari 451 orang pelajar-pelajar Melayu (124 pelajar lelaki dan 327 pelajar perempuan) yang mengikuti program Matrikulasi dalam pelbagai jurusan. Mereka adalah golongan individu yang akan membuat keputusan tentang bidang pengajian setelah tamat program Matrikulasi.



INSTRUMEN

Dua jenis soal selidik digunakan. Soal selidik pertama adalah Inventory Personaliti NEO PI-R (Costa & McCrae, 1995) yang mengukur paras lima domain personaliti dalam Model Lima Faktor. Instrumen ini terdiri dari 240 item. Setiap item dinilai dengan menggunakan skala Likert lima mata (1 = sangat tidak setuju, 5 = sangat setuju). Terdapat beberapa item yang dikod secara terbalik bagi mengelakkan fenomena melakukan penilaian yang sama dalam kesemua item. Versi terjemahan Bahasa Melayu telah dibuat dan diuji di kalangan pelajar Melayu dan telah diterbitkan (Mastor et al, 2000). Nilai pekali reliabiliti bagi setiap domain personaliti Neuroticism, Extraversion, Openness, Agreeableness dan Conscientiousness adalah 0.87, 0.86, 0.69, 0.78 dan 0.88.

Soal selidik yang kedua adalah dibina sendiri. Bahagian A adalah bagi mendapatkan maklumat demografi pelajar termasuk jantina, bangsa, tahun pengajian, fakulti pengajian dan aliran persekolahan menengah. Bahagian B adalah mengenai darjah keyakinan, kepuasan hati, ketekalan, darjah kebebasan memilih bidang pengajian setelah menamatkan pengajian di matrikulasi.

KEPUTUSAN

Persoalan pertama dalam kajian ini adalah ‘adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam skor Neuroticism dan Extraversion di antara pelajar Melayu lelaki dan pelajar Melayu perempuan?’. Jadual 1.0 menunjukkan min skor T domain NEO PI-R Neuroticism dan Extraversion di antara pelajar lelaki dan perempuan Melayu. Data perbandingan menggunakan ujian t mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan pada domain Neuroticism di antara pelajar lelaki dan perempuan Melayu. Di peringkat sub-domain, pelajar perempuan mempunyai skor yang lebih tinggi pada sub-domain Anzietiy (Kebimbangan), Angry Hostility dan Self-Consciousness. Perbezaan paras tersebut adalah sangat signifikan. Self-consciousness atau malu di pihak pelajar perempuan Melayu adalah lebih tinggi dari pelajar lelaki Melayu.

Tiada perbezaan yang signifikan di antara pelajar berlainan jantina pada domain Extraversion. Pada paras sub-domain, pelajar perempuan Melayu mempunyai skor yang lebih tinggi dari pelajar lelaki Melayu pada sub-domain Positive Emotion.



Jadual 1.0: Min skor T bagi domain dan subdomain Neuroticism dan Extraversion pelajar lelaki dan perempuan (N = 451).

Domains	Lelaki (N=124)		Perempuan (N=327)		t	K
	Mn	SD	Mn	SD		
N Neuroticism	47.13	9.88	51.09	9.84	-3.81	0.00**
E Extraversion	50.05	8.50	49.98	10.50	0.07	0.95
Facets						
N1: Anxiety	46.59	10.53	51.30	9.49	-4.57	0.00**
N2: Angry Hostility	47.81	9.68	50.83	10.02	-2.88	0.00**
N3: Depression	48.49	9.59	50.58	10.11	-1.98	0.05
N4: Self-consciousness	47.56	9.86	50.92	9.93	-3.21	0.00**
N5: Impulsiveness	49.63	9.90	50.12	10.05	-0.47	0.64
N6: Vulnerability	47.93	9.79	50.79	9.94	-2.74	0.01*
E1: Warmth	49.69	9.22	50.12	10.28	-0.40	0.69
E2: Gregariousness	50.02	9.13	49.98	10.33	0.04	0.97
E3: Assertiveness	51.18	9.23	49.55	10.24	1.55	0.12
E4: Activity	50.77	9.11	49.71	10.32	1.00	0.32
E5: Excitement Seeking	50.57	8.80	49.79	10.44	0.74	0.46
E6: Positive Emotion	48.29	9.59	50.63	10.08	-2.24	0.03*

df = 449; * $p < 0.05$, ** $p < 0.01$ (signifikan pada 'two-tailed')

Persoalan kedua adalah 'adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam paras keyakinan, kepuasan hati, ketekalan dan kesukaran dalam membuat keputusan di antara pelajar Melayu lelaki dan pelajar Melayu perempuan? Jadual 2.0 menunjukkan hasil ujian t perbezaan paras aspek psikologi membuat keputusan di antara pelajar lelaki Melayu dan pelajar perempuan Melayu. Tiada perbezaan yang signifikan di antara pelajar berlainan jantina dalam paras

keyakinan dan ketekalan membuat keputusan tentang pemilihan bidang pengajian. Pelajar lelaki Melayu didapati mempunyai paras kepuasan hati yang lebih tinggi dari pelajar perempuan Melayu. Sebaliknya pelajar perempuan Melayu mempunyai paras kesukaran dalam membuat keputusan yang lebih tinggi dari pelajar lelaki Melayu.

Jadual 2.0 : Perbandingan paras keyakinan, kepuasan hati, ketekalan dan kesukaran membuat keputusan di antara pelajar lelaki Melayu dan pelajar perempuan Melayu.

	Jantina	N	Mn	SD	t	p
Keyakinan	M	124	41774	.9287	1.034	0.302ns
	F	327	40765	.9253		
Kepuasan hati	M	124	44919	.7042	3.392	0.001**
	F	327	41743	.9481		
Tekalan	M	124	14597	.5616	0.122	0.903ns
	F	327	14526	.5455		
Kesukaran	M	124	22742	.8297	3.538	0.000**
	F	327	19572	.8569		

** p < 0.01

Persoalan kajian ketiga merujuk kepada ‘apakah darjah korelasi atau hubungan di antara ciri tret self-consciousness (malu) dengan facet atau sub-domain tret yang lain dalam Model Lima Faktor? Jadual 3.0 menunjukkan pekali korelasi tersebut. Tret malu pada keseluruhannya berhubung secara positif dengan kesemua facet Neuroticism berbanding hubungan negatif dengan facet-facet Extraversion. Oleh itu malu boleh difahami berkait dengan kerisauan dan mudah mengalami tekanan (*depression*) pelajar Melayu membuat keputusan. Seseorang yang mudah malu mungkin juga mudah bimbang dan tertekan. Walau bagaimana pun, pekali hubungan tersebut lebih besar di kalangan pelajar perempuan Melayu berbanding pelajar lelaki Melayu. Ini bermakna pelajar perempuan yang malu akan lebih mudah risau dan juga tertekan.

Dari segi hubungan malu dengan facet-facet Extraversion, perkaitan dengan Assertiveness adalah lebih kuat (pekali korelasi = -0.365). Ini menunjukkan bahawa dalam hal membuat keputusan, semakin seseorang itu tegas atau assertif, semakin berani dan tidak malu individu itu membuat keputusan. Pekali ini agak sedikit besar dalam sampel pelajar perempuan,

sekaligus membayangkan bahawa apabila pelajar perempuan bersifat tegas, maka mereka tidak akan malu membuat keputusan memilih bidang pengajian yang mereka minati. Hubungan malu dengan lain-lain facet Extraversion didapati tidak signifikan di kalangan pelajar lelaki Melayu. Ini menunjukkan bahawa tiada perkaitan di antara malu dengan ciri Warmth dan Gregariousness di kalangan pelajar lelaki Melayu.

Jadual 3.0: Pekali korelasi Pearson tret self-consciousness (malu) dengan sub-domain Neuroticism dan Extraversion.

	Sampel total (N=451)	Sampel pelajar lelaki (N=124)	Sampel pelajar perempuan (N=327)
N1: Anxiety	0.412**	0.358**	0.405**
N2: Angry Hostility	0.274**	0.265**	0.257**
N3: Depression	0.406**	0.344**	0.418**
N4: Impulsiveness	0.224**	0.349**	0.179**
N5: Vulnerability	0.304**	0.230**	0.312**
E1: Warmth	-0.184**	-0.098	-0.220**
E2: Gregariousness	-0.173**	-0.058	-0.214**
E3: Assertiveness	-0.365**	-0.324**	-0.371**
E4: Activity	-0.206**	-0.174	-0.211**
E5: Excitement Seeking	-0.073	-0.109	-0.056
E6: Positive Emotion	-0.092	-0.179*	-0.085

**p < 0.01

Persoalan kajian yang keempat adalah ‘apakah darjah korelasi atau hubungkait di antara skor Neuroticism dan Extraversion dengan darjah keyakinan, kepuasan hati, ketekalan dan kekonsistenan membuat keputusan mengenai bidang pengajian di kalangan pelajar Melayu? Jadual 4.0 menunjukkan pekali korelasi di antara keyakinan, kepuasan hati, ketekalan dan kesukaran dalam membuat keputusan berkenaan bidang pengajian di universiti dengan domain serta facet-facet Neuroticism dan Extraversion.


Malu mempunyai nilai pekali korelasi yang amat sederhana dengan keyakinan, kepuasan hati dan kesukaran membuat keputusan. Keyakinan dan kepuasan hati berhubung secara negatif dengan malu manakala malu berkaitan

secara positif dengan kesukaran membuat keputusan. Ini bermakna semakin tinggi darjah malu pelajar Melayu, semakin kurang keyakinan, kepuasan hati dan semakin sukar membuat keputusan. Ketekalan atau kekonsistenan keputusan yang dibuat tidak bergantung kepada tahap malu. Facet-facet lain yang berkorelasi negatif dengan keyakinan dan kepuasan hati membuat keputusan adalah Anxiety, Angry Hostility, Depression, dan Vulnerability. Facet-facet Extraversion yang berkorelasi positif dengan keyakinan dan kepuasan hati adalah Warmth, Gregariousness, Assertiveness, Activity dan Positive Emotion. Assertiveness mempunyai korelasi positif dengan ketekalan membuat keputusan (pekali = 0.157). Semua facet Extraversion berkorelasi negatif dengan kesukaran membuat keputusan. Semakin pelajar Melayu bersikap positif, ceria, dan assertif, semakin yakin dan berpuas hati mereka dengan keputusan yang dibuat ke atas bidang pengajian yang dipilih.

Jadual 4.0: Pekali korelasi di antara domain dan sub-domain Neuroticism dan Extraversion dengan komponen psikologi membuat keputusan.

	Keyakinan	Kepuasan hati	Ketekalan	Kesukaran
Facet-facet				
N1: Anxiety	-0.175**	-0.171**	-0.144**	0.232**
N2: Angry Hostility	-0.100*	-0.151**	-0.078	0.124**
N3: Depression	-0.271**	-0.259**	-0.138**	0.241**
N4: Self-consciousness	-0.129**	-0.122**	-0.077	0.171**
N5: Impulsiveness	-0.086	-0.137**	-0.051	0.122**
N6: Vulnerability	-0.187**	-0.223**	-0.111*	0.248**
E1: Warmth	0.146*	0.109*	0.043	-0.098*
E2: Gregariousness	0.134*	0.150**	0.070	-0.126**
E3: Assertiveness	0.267**	0.240**	0.157**	-0.291**
E4: Activity	0.209**	0.217**	0.160**	-0.226**
E5: Excitement Seeking	0.056	0.091	0.063	-0.055
E6: Positive Emotion	0.152**	0.148**	0.100	-0.120*

** $p < 0.01$



Perbincangan

Kajian yang telah dijalankan serta analisa data menunjukkan bahawa malu sebagai satu dari tret personaliti berbeza di antara pelajar Melayu lelaki dan pelajar Melayu perempuan. Pelajar perempuan lebih mempunyai sifat malu dari pelajar lelaki. Analisa ke atas aspek-aspek psikologi membuat keputusan pula menunjukkan bahawa pelajar perempuan Melayu tidak berpuashati dengan keputusan yang dibuat berbanding dengan pelajar lelaki Melayu. Pelajar perempuan juga mendapati diri mereka sukar membuat keputusan. Ketidakpuasan hati dan kesukaran dalam membuat keputusan di kalangan pelajar perempuan Melayu didapati berhubungan dengan paras tret malu (self-consciousness) yang tinggi. Pekali korelasi di antara malu (self-consciousness) dengan kepuasan hati dan kesukaran adalah signifikan walaupun magnitud korelasi tidak begitu kuat (renj pekali korelasi di antara 0.10 hingga 0.30). Di samping itu, hasil analisa data juga mendapati bahawa malu berkait dengan tret kebimbangan, mudah tertekan, mudah tersinggung, tidak ceria dan tidak tegas, serta keliru dengan keputusan yang dibuat. Kesan malu ke atas aspek-aspek psikologi membuat keputusan adalah lebih besar ke atas pelajar perempuan Melayu berbanding dengan pelajar lelaki Melayu.

Dari ringkasan dapatan yang dijelaskan tadi, beberapa perkara dapat diambil perhatian. Pertama, sifat malu atau self-consciousness di kalangan pelajar Melayu memang ada. Ini adalah konsisten dari pandangan teori dispositional mengenai tret-tret personaliti manusia yang bersifat universal (McCrae & Costa, 1997). Sifat malu ini tidak dapat dielakkan kerana kesebatiannya dalam jiwa individu dari semua manusia. Keduanya, malu atau self-consciousness mempunyai hubungan dengan keyakinan, kepuasan hati, ketekalan dan kesukaran dalam membuat keputusan. Walau bagaimanapun, hubungan tersebut tidaklah begitu kuat kerana saiz pekali korelasi yang tidak melebihi 0.30. Ini bermakna bukan sifat atau ciri malu sahaja yang berperanan dalam mempengaruhi keyakinan, kepuasan hati, ketekalan dan kesukaran membuat keputusan. Justeru itu, kewujudan sifat malu tidak boleh dipersalahkan sebagai ciri sebatu pelajar Melayu yang harus dibuang seluruhnya. Faktor yang lebih penting ialah faktor persekitarannya. Sesi motivasi dan penerangan dalam membuat keputusan yang bijaksana akan dapat membantu mengurangkan kesan ciri malu tadi. Ketiganya, pelajar perempuan Melayu didapati mempunyai paras malu yang lebih tinggi dari pelajar lelaki Melayu. Dalam hal-hal tertentu seperti malu dalam berbuat keburukan, malu tersebut tidak menjadi masalah. Tetapi malu dalam membuat keputusan mengenai kerjaya dan memilih bidang akademik adalah malu yang seharusnya dielakkan. Pelajar perempuan yang ingin mencebur diri dalam bidang kejuruteraan misalnya, harus diberi galakan dan sokongan. Jika tidak, sifat malu dalam dirinya akan memberi kesan dalam membuat keputusan.



IMPLIKASI KAJIAN

Implikasi yang utama dari kajian ini ialah tret malu memang sudah sebat dengan pelajar Melayu dan kesannya lebih besar di kalangan pelajar perempuan Melayu. Bagi membantu mereka supaya lebih yakin, lebih berpuas hati serta tidak mengalami kesukaran membuat keputusan, faktor persekitaran perlu diambilkira. Sokongan moral keluarga misalnya boleh membantu pelajar-pelajar Melayu membuat keputusan mengenai bidang akademik. Dalam kata lain, pelajar-pelajar perlu diberi ruang kebebasan membuat pilihan mengenai bidang pengajian sebelum memasuki universiti. Di samping itu, pelajar-pelajar Melayu perlu diberi lebih banyak maklumat tentang peluang kerjaya dalam bidang akademik yang dipilih. Maklumat yang diberi akan dapat mengurangkan paras kebimbangan mereka untuk membuat keputusan yang penting dalam hidup mereka.



RUJUKAN

- Callanan, G. A., & Greenhaus, J. H. (1990). The career indecision of managers and professionals: Development of a scale and test of a model. *Journal of Vocational Behavior*, 37, 79-103.
- Chartrand, J. M., Rose, M. L., Elliot, T. R., Marmarosh, C., & Caldwell, S. (1993). Peeling back the onion: Personality, problem solving and career decision-making style correlates of career indecision. *Journal of Career Assessment*, 1, 66-82.
- Costa, P. T. Jr., & McCrae, R. R. (1992b). *Revised NEO Personality Inventory (NEO PI-R) and NEO Five-Factor Inventory (NEO-FFI) Professional Manual*. Odessa, FL: Psychological Assessment Resources, Inc.
- Diener, E. (1996). Traits can be powerful, but are not enough: Lessons from subjective well-being. *Journal of Research in Personality*, 30, 389-399.
- Diener, E., Larsen, R. J., & Emmons, R. A. (1984). Person x Situation interactions: Choice of situations and congruence response models. *Journal of Personality and Social Psychology*, 47, 580-592.
- Fuqua, D. R., Newman, J. L., & Seaworth, T. B. (1988). Relation of state and trait anxiety to different components of career indecision. *Journal of Counseling Psychology*, 35, 154-158.
- Hamer, R. J., & Bruch, M. A. (1997). Personality factors and inhibited career development: Testing the unique contribution of shyness. *Journal of Vocational Behavior*, 50, 382-400.
- Holland, J. L. (1985). *The Self-Directed Search: Professional Manual*. Odessa, FL: Psychological Assessment Resources.
- Larsen, R. J., & Ketelaar, T. (1991). Personality and susceptibility to positive and negative emotional states. *Journal of Personality and Social Psychology*, 61, 132-140.
- McCrae, R. R. (1991). The five-factor model and its assessment in clinical settings. *Journal of Personality Assessment*, 57, 399-414.
- McCrae, R. R., & Costa, P. T. Jr. (1990). *Personality in Adulthood*. New York: Guilford.
- McCrae, R. R., & Costa, P. T. Jr. (1996). Toward a new generation of personality theories: Theoretical contexts for the five factor model. In J.S. Wiggins (Ed.), *The Five-Factor Model of Personality: Theoretical Perspectives* (pp. 51-87). New York: Guilford.
- McCrae, R. R., & Costa, P. T. Jr. (1997). Personality trait structure as a human universal. *American Psychologist*, 52, 509-516.
- McCrae, R. R., & John, O. P. (1992). An introduction to the five-factor model and its applications. Special Issue: The five-factor model: Issues and applications. *Journal of Personality*, 60, 175-215.

- Mischel, W. (1977). The interaction of person and situation. In D. Magnusson & N. S. Endler (Eds.). *Personality at the Crossroads: Current Issues in Interactional Psychology* (pp. 333-352). Hillsdale, NJ: Erlbaum.
- Monson, T. C., Hesley, J. W., & Chernick, L. (1982). Specifying when personality traits can and cannot predict: An alternative to abandoning the attempt to predict single-act criteria. *Journal of Personality and Social Psychology*, 13, 89-111.
- Osipow, S. H., Carrey, C. G., & Barak, A. (1976). A scale of educational-vocational undecidedness: A typological approach. *Journal of Vocational Behavior*, 9, 233-243.
- Pervin, L. A. (1994). A critical analysis of current trait theory. *Psychological Inquiry*, 5, 103-113.
- Phillips, S. D., & Bruch, M. A. (1988). Shyness and dysfunction in career development. *Journal of Counseling Psychology*, 35, 159-165.
- Suhana Sulaiman (1981). *Sikap Masyarakat Melayu yang tergambar dalam buku sejarah Melayu dan Novel Sandera*. Bachelor of Arts Thesis, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Watson, D., Clark, L. A., McIntyre, C. W., & Hamaker, S. (1992). Affect, personality and social activity. *Journal of Personality and Social Psychology*, 63, 1011-1025.

